

# Fave, CIMB tawar perkhidmatan BNPL

**PETALING JAYA** – Fave, aplikasi pembayaran pintar Asia Tenggara, telah menjalin kerjasama strategik dengan CIMB Bank Berhad (CIMB) untuk menawarkan perkhidmatan mudah alih iaitu beli sekarang bayar kemudian (BNPL) kepada pelanggan CIMB.

Tawaran itu bertujuan menyediakan akses pilihan pembayaran alternatif dan fleksibel kepada pembeli dan menghubungkan peniaga kepada pangkalan pelanggan yang lebih besar di seluruh Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbankan Pengguna Kumpulan CIMB, Samir Gupta berkata, kerjasama itu akan membolehkan lebih 8.4 juta pemegang kad debit CIMB mendapat akses kepada perkhidmatan BNPL Fave di lebih 15,000 lokasi peniaga, termasuk Al-Ikhsan, PUMA, Box of Bricks, Focus Point, Jakel dan banyak lagi.

“Perkhidmatan BNPL Fave memberi lebih fleksibiliti kerana ia membolehkan pembeli membahagikan pembayaran kepada tiga ansuran tanpa faedah.

“Selain itu, pengguna juga akan mendapat manfaat daripada ganjaran yang pelbagai seperti memperoleh mata bonus CIMB dan pulangan tunai sehingga 15 peratus dengan pembelian daripada penjual terpilih,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan yang dikeluarkan pada majlis kerjasama antara Fave dan CIMB semalam.

Samir menerangkan, de-



**SAMIR (dua dari kanan) dan Neoh (dua dari kiri) pada majlis kerjasama antara Fave dengan CIMB semalam.**

ngan peningkatan pilihan BNPL, pelan ansuran dalam talian kini melengkapi perkhidmatan kad kredit biasa.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Fave, Joel Neoh menerangkan, kerjasama tersebut adalah usaha syarikat untuk memudahkan pelanggan mendapat manfaat daripada pengalaman membeli-belah.

“Dengan FavePay Later, kami memperkasakan pengguna un-

tuk membeli produk dengan cara paling mudah iaitu hanya pilih untuk membahagikan bil kepada tiga ansuran tanpa faedah semasa membuat pembayaran menggunakan aplikasi Fave.

“Kerjasama ini telah membolehkan kami melanjutkan perkhidmatan kepada pelanggan kad debit yang tidak mempunyai kemudahan kredit tradisional dengan institusi kewangan” ujarnya.